

22 JUN 2003

Syed Hamid-Umno (Bergambar)

SAYA BELUM FIKIR TANDING NAIB PRESIDEN UMNO: SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata beliau belum lagi memikirkan sama ada akan bertanding untuk jawatan Naib Presiden Umno dalam pemilihan parti pada tahun depan.

Beliau berkata tumpuannya pada masa ini ialah untuk mengukuhkan parti dan bersedia menghadapi pilihan raya umum yang akan diadakan sebelum bulan November tahun depan.

"Saya tidak ada masa untuk memikirkan tentang perkara ini (jawatan naib Presiden) Masa tak kena. Bila kena pada masanya, saya akan buat keputusan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus Kepimpinan Pertubuhan Belia 2003 di Wisma Belia di sini.

Beliau ditanya sama ada akan bertanding untuk jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan parti tahun hadapan ekoran jangkaan wujudnya kekosongan salah satu daripada tiga jawatan Naib Presiden.

Ini berikutan jangkaan bahawa salah seorang daripada tiga naib presiden pada masa ini akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri serta Timbalan Presiden parti.

Kekosongan itu berikutan peralihan tampuk kepimpinan negara apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara daripada jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno, dan jawatannya akan diambil oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada November depan.

Jawatan naib presiden Umno itu kini dipegang oleh Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhamad Muhamad Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ditanya mengenai pandangan tentang kod etika pemilihan untuk ahli UMNO, Syed Hamid berkata yang penting ialah ahli-ahli UMNO perlu berdisiplin dan tidak mementingkan diri.

Beliau berkata walaupun ada kod etika, mereka yang mempunyai niat yang jahat tetap akan melanggar segala peraturan yang ada.

"Yang nak kita selamatkan ialah UMNO, bukan individu dan yang penting sekali ialah untuk menentukan ahli-ahli faham amalan kita (peraturan parti)," katanya.

-- BERNAMA

AT HK AZH